

PERSEPSI PELAJAR PENGAJIAN ISLAM TERHADAP MAKTABAH SYAMILAH ONLINE DALAM PEMBELAJARAN

Zainora binti Daudⁱ Rabaatul Adawiyah Junusⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author).Pensyarah, USIM. zainora@usim.edu.my

ⁱⁱ Pelajar. UKM. rabaatul.junus@gmail.com

Abstrak

Perbahasan berkaitan alat bantu mengajar dalam pembelajaran banyak dibincangkan oleh para akademik sama ada dari aspek amalan, penguasaan dan keberkesanan. Begitu juga dengan bidang pengajian Islam, walaupun ia bersifat turathi tetapi telah diadun dengan bahan bantu mengajar yang bersifat kontemporari sebagai alat sokongan untuk meningkatkan minat serta penguasaan para pelajar. Ini dilihat selari dengan perkembangan dan kemajuan teknologi multimedia dalam mendepani arus perdana digital di peringkat global. Maktabah Syamilah Online merupakan satu bentuk perpustakaan digital yang membuka satu manhaj ilmiah secara online yang sangat informatif dan mesra pengguna. Walaupun dari sudut kontra antaranya terdapat sedikit kesilapan teknikal dalam Maktabah Syamilah Online antara muka surat digital dan yang bercetak. Bahkan kesannya juga boleh membentuk attitude negatif dalam kalangan segelintir pengkaji kerana hanya terbatas dengan pencarian mudah berkaitan topik tertentu sahaja, namun dari aspek kelebihanannya juga amat banyak sebagai satu platform yang mudah, menjimatkan masa, wang dan tenaga dalam pembelajaran. Lantaran itu, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji persepsi pelajar pengajian Islam terhadap Maktabah Syamilah Online dalam pembelajaran. Kajian ini berbentuk kuantitatif melalui instrumen soal selidik yang telah diedarkan kepada 132 pelajar tahun akhir, program Pengajian Quran dan Sunnah, USIM. Hasil kajian mendapati bahawa tahap persepsi pelajar terhadap Maktabah Syamilah online dalam pembelajaran adalah baik. Kesimpulannya menunjukkan bahawa Maktabah Syamilah online menyediakan fasiliti yang baik dalam pengajaran dan pembelajaran lebih-lebih lagi dengan ribuan koleksi kitab-kitab rujukannya secara digital tanpa perlu melibatkan kos dan tenaga yang tinggi.

Kata kunci: Persepsi, Maktabah Syamilah, Online, Pembelajaran.

PENDAHULUAN

Perkembangan teknologi kian berkembang dan meletakkan satu anjakan paradigma dalam semua bidang termasuk bidang pendidikan. Kepelbagaian metod, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang bertali arus muncul dengan lebih inovatif dan infomatif dapat menarik minat para pelajar dalam bidang pengkhususan masing-masing.

Maktabah Syamilah *online* bukanlah suatu platform yang asing, bahkan banyak digunakan oleh para pelajar, akademik dan pengkaji bagi memudahkan proses pengajian serta penyelidikan yang berkualiti bagi memenuhi tuntutan ilmu.

Sehubungan itu, kertas kerja ini untuk mengkaji persepsi pelajar pengajian Islam terhadap Maktabah Syamilah online dalam pembelajaran.

Maktabah Syamilah

Maktabah Syamilah bermaksud perpustakaan komprehensif yang menyediakan penyelidikan digital secara percuma kepada semua para akademik Islam. (Al-Maktabah al-Syamilah, 2020).

Maktabah Syamilah juga sebuah perpustakaan digital dalam bahasa Arab yang mengandungi 5300 buku mengenai pelbagai ilmu pengetahuan Islam yang disusun mengikut kategori dan kad pengenalan yang sesuai untuk buku dan pengarang. (Al-Maktabah al-Syamilah, 2009)

Maktabah Syamilah dari aspek bahasa bermaksud Perpustakaan Lengkap di mana terdapat ribuan koleksi kitab terkumpul dalam satu *software* yang mudah dikendali, digunakan, menjimatkan kos, sangat mudah diakses dengan butang pencarian (*search*) sehingga mampu menyingkatkan masa dalam pencarian informasi berkaitan kitab-kitab yang diperlukan (Nur Aris, 2015).

Beberapa ciri dalam Maktabah Syamilah ialah kemampuan dalam pencarian yang lebih dinamik, termasuk memilih buku tunggal atau berbilang untuk dicari, mencari tajuk buku, mencari dalam buku, mencari pengarang, dan mencari berbilang perkataan sama ada "dan" atau menggunakan kriteria "atau", kemampuan untuk mengedit buku, menanda buku lokasi kegemaran, membuka pelbagai buku dalam masa yang sama, mengalih keluar atau menyimpan tasykil (tanda baca bahasa Arab) daripada teks (apabila tersedia), dan untuk mengaitkan buku Syarh (komentar) dengan matan masing-masing (teks - apabila tersedia), kemampuan untuk menukar imej latar belakang aplikasi, dan menukar dan warna pelbagai peringkat teks dan latar belakang dalam perisian (cth. teks utama, ulasan, tajuk, nota kaki), keupayaan untuk mengeksport buku ke fail HTML, dokumen fail (memerlukan Microsoft Word pada peranti dan dokumen fail (memerlukan versi kosong perpustakaan) dengan pelbagai pilihan eksport dan keupayaan untuk mengemas kini perpustakaan dan memuat turun buku baharu dari dalam perisian. (Al-Maktabah al-Syamilah, 2009)

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian berbentuk kajian kuantitatif dengan persampelan rawak mudah. Menurut Idris Awang (2009), data kuantitatif adalah data dalam bentuk angka seperti bilangan, kekerapan, pecahan dan peratusan yang dihasilkan melalui kaedah soal selidik dan observasi. Bhasah Abu Bakar (2010) menyatakan bahawa persampelan rawak mudah memberi peluang kepada semua unit dalam populasi atau sample untuk dipilih dengan nilai yang sama. Sebanyak 132 pelajar tahun 4, program Pengajian Quran dan Sunnah, USIM dengan teknik persampelan rawak mudah berjaya menjawab set soal selidik yang diedarkan mengikut jadual Krejcie and Morgan (1970). Jadual yang dibentuk oleh Krejcie & Morgan dalam menentukan saiz sample yang perlu digunakan dalam sesuatu penyelidikan berdasarkan saiz populasi

yang telah dikenalpasti (Bhasah Abu Bakar, 2010). Hasil dapatan dianalisis secara kekerapan dan peratusan untuk mengenalpasti demografi pelajar serta mengkaji persepsi pengetahuan pelajar terhadap Maktabah Syamilah Online dalam pembelajaran.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini merangkumi dua bahagian iaitu bahagian A tentang demografi pelajar dan bahagian B merangkumi persepsi pengetahuan pelajar terhadap Maktabah Syamilah Online.

Jadual 1: Demografi Pelajar


Item		Kekerapan	Peratus %
Jantina	Lelaki	32	24.2
	Perepuan	100	75.8
Umur	18-20	0	0
	20-22	59	44.7
	23-25	73	55.3
Jumlah		132	100%

Jadual 1 di atas menunjukkan demografi pelajar dari aspek maklumat jantina iaitu seramai 32 orang (24.2%) pelajar lelaki berbanding 100 orang pelajar perempuan (75.8%). Manakala dari aspek umur, sebanyak 73 orang (55.3%) berumur antara 23 hingga 25 tahun berbanding 59 orang (44.7%) berumur antara 20-22 tahun.

Jadual 2: Persepsi Pelajar Terhadap Maktabah Syamilah Online


Item	STS	TS	TP	S	SS
Maktabah Syamilah Online amat bermanfaat kepada pelajar	2	1	2	24	103
	1.5%	0.8%	1.5%	18.2%	78.0%
MS Online memudahkan proses pencarian Hadis	1	1	11	76	43
	0.8%	0.8%	8.3%	57.6%	32.6%
Bahasa Arab yang digunakan dalam MS mudah difahami	2	9	34	74	13
	1.5%	6.8%	25.8%	56.1%	9.8%
Font MS Online sangat sesuai dan mudah dibaca	2	4	11	78	37
	1.5%	3.0%	8.3%	59.1%	28.0%
Saya amat mahir dengan ciri-ciri MS online	0	3	28	90	11
	0%	2.3%	21.2%	68.2%	8.3%
Ruangan "Search Keywords" amat memudahkan proses pencarian kitab	1	2	9	79	41
	0.8%	1.5%	6.8%	59.8%	31.1%

Jadual 2 di atas menunjukkan persepsi pelajar terhadap Maktabah Syamilah Online. Item Maktabah Syamilah Online amat bermanfaat kepada pelajar mencatatkan 103 orang sangat setuju (78.0%), setuju 24 orang (18.2%), tidak pasti dua orang (1.5%), tidak setuju seorang (0.8%) dan sangat tidak setuju dua orang (1.5%). Item MS Online memudahkan proses pencarian hadis mencatatkan sebanyak 43 orang (32.6%) sangat setuju, 76 orang (57.6%) bersetuju, tidak pasti 11 orang (8.3%) dan seorang (0.8%) sangat tidak setuju dan tidak setuju. Manakala bagi item bahasa Arab yang digunakan dalam MS online mudah difahami mencatatkan 13 orang (9.8%) sangat setuju, 74 orang bersetuju (57.6%), tidak pasti 34 orang (25.8%), tidak setuju 9 orang (6.8%) dan 2 orang sangat tidak setuju (1.5%). Item font MS online sangat sesuai dan mudah dibaca mencatatkan 37 orang (28.0%) sangat setuju, 78 orang bersetuju (59.1%), 11 orang tidak pasti (8.3%), 4 orang tidak bersetuju (3.0%) dan 2 orang sangat tidak bersetuju (1.5%). Item saya mahir dengan ciri-ciri MS online mencatatkan 11 orang sangat bersetuju (8.3%), 90 orang bersetuju (68.2%), 28 orang tidak pasti (8.3%), 3 orang tidak bersetuju (2.3%) dan tiada pada sangat tidak bersetuju. Item ruangan "search keywords" amat memudahkan proses pencarian kitab mencatatkan 41 orang sangat bersetuju (31.3%), 79 orang bersetuju (59.8%), 9 orang tidak pasti (6.8%), 2 orang tidak bersetuju (1.5%) dan seorang sangat tidak bersetuju (0.8%).




Carta pai 1 di atas menunjukkan para responden mengetahui Maktabah Syamilah Online melalui pensyarah sebanyak 123 orang (93.1%), internet iaitu 7 orang (5.3%) dan keluarga sebanyak 2 orang (2%).

Carta Pai 2: Alat yang digunakan untuk membuka MS Online




Carta pai 2 di atas menunjukkan alat yang digunakan para responden untuk membuka Maktabah Syamilah online iaitu laptop sebanyak 126 orang (95.4%) dan telefon bimbit sebanyak 6 orang (4.5%).


Carta Pai 3: Sumber rujukan utama sekiranya terdapat masalah dengan MS




Carta pai 3 di atas menunjukkan sumber rujukan utama sekiranya terdapat masalah dalam penggunaan MS online ialah kawan-kawan sebanyak 94 orang (48.5%), pensyarah sebanyak 77 orang (39.7%), sosial media sebanyak 16 orang (8%) dan buku sebanyak 7 orang (4%).




Carta pai 4 di atas menunjukkan kecepatan menghadiri bengkel MS ialah tidak pernah sebanyak 62 orang (47%), jarang-jarang sebanyak 51 orang (38.6%), kadang-kadang sebanyak 12 orang (9.1%), kerap sebanyak 4 orang (3%) dan amat kerap sebanyak 3 orang (2.3%).



Carta pai 5 di atas menunjukkan pengetahuan asas berkaitan Maktabah Syamilah online iaitu item koleksi lengkap tentang buku-buku pengajian Islam sebanyak 117 orang (88.6%), mengetahui perawi hadis sebanyak 79 orang (59.8%) dan memudahkan proses tahkrij sebanyak 62 orang (47%).



Carta pai 6 di atas menunjukkan sebab penggunaan Maktabah Syamilah online iaitu item menjimatkan masa sebanyak 104 orang (78.7%), mengandungi pelbagai kitab 99 orang (75%), item menyamai kitab asal dan mudah adalah sama sebanyak 84 orang (63.6%) dan menyediakan kitab turath dan kitab terkini sebanyak 81 orang (61.3%).



Carta pai 7 di atas menunjukkan ciri-ciri Maktabah Syamilah online yang menjadi tarikan penggunaannya iaitu item alat (tools) pada MS online sebanyak 103 orang (78.0%), interface 41 orang (31.0%), item bahasa sebanyak 37 orang (28.0%) dan background sebanyak 27 orang (20.4%).

PERBINCANGAN

Hasil dapatan demografi pelajar menunjukkan pelajar lelaki melebihi perempuan dan had umur antara 23-25 tahun yang paling ramai. Dari aspek persepsi pelajar terhadap Maktabah Syamilah *online* menunjukkan majoriti para responden amat bersetuju MS online amat bermanfaat kepada para pelajar, memudahkan proses pencarian hadis, font MS online sangat sesuai dan mudah dibaca, item ruangan “search keywords” amat memudahkan proses pencarian kitab dan item saya mahir dengan ciri-ciri MS online. Namun item bahasa Arab yang digunakan dalam MS online mudah difahami mencatatkan 67.4% yang bersetuju. Ini disokong dengan artikel NurAris (2015) bahawa Al-Maktabah al-Syamilah merupakan contoh paling baik sebagai satu projek *digital library* yang memiliki keunggulan dibanding dengan perpustakaan manual antara kelebihan al-Maktabah al-Syamilah adalah menyediakan fasiliti pencarian informasi yang sangat mudah, cepat dan akurat.

Para responden amat bersetuju bahawa pengetahuan awal tentang Maktabah Syamilah Online melalui para pensyarah dan mereka amat bersetuju penggunaan laptop untuk membuka MS online. Namun jika terdapat masalah ketika menggunakan MS online, mereka lebih suka merujuk kawan-kawan dan keperluan untuk menghadiri bengkel MS online dilihat tidak mendapat sambutan dalam kalangan pelajar dengan mencatatkan sebahagian besar mereka tidak pernah menghadiri bengkel berkaitan. Majoriti responden bersetuju MS online ada himpunan koleksi tentang kitab-kitab pengajian Islam, bahkan mereka juga amat bersetuju MS online juga amat menjimatkan masa, menyamai kitab asal dan mudah. Manakala tarikan utama penggunaan MS online adalah alat (*tools*) yang dipaparkan pada MS online. Bahkan kajian Khairulasyraf et al (2019) menyatakan bahawa majoriti pengkaji bidang pengajian Islam menggunakan pendekatan analisis dokumen melalui teks daripada al-Qur’an, Hadith, kitab dan manuskrip sebagai bahan utama dalam soroton literatur dan data dianalisis yang memakan masa yang lama dalam menyiapkan tugas ilmiah, ini menyokong kepada perkembangan perisian analisis kajian sama ada menggunakan pendekatan kuantitatif atau kualitatif semakin berkembang sejajar dengan perubahan sistem pendidikan dunia.

KESIMPULAN

Tahap persepsi pelajar terhadap Maktabah Syamilah *online* adalah baik. Para pelajar bersetuju MS *online* menyediakan fasiliti yang baik dalam pengajaran dan pembelajaran lebih-lebih lagi dengan koleksi kitab-kitab rujukannya secara digital tanpa perlu melibatkan kos dan tenaga yang tinggi. Bahkan teknologi digital meningkatkan tahap penguasaan pelajar serta memberi kemudahan dalam tugas serta aktiviti-aktiviti akademik. Bahkan menurut NurAris (2015), Al-Maktabah al-Syamilah adalah *software* percuma bagi sesiapa saja yang hendak hendak mengakses informasi dengan mudah lebih-lebih lagi dalam mempelajari Islam. Namun masih terdapat kekurangan yang perlu ditambahbaik dan dimurnikan. Menurut Khader Ahmad (2019) kriteria dalam pembangunan website hadis dan *software* hadis sewajarnya diberikan perhatian yang serius bagi semua organisasi atau individu yang

mahu membangunkan sesuatu laman sesawang atau perisian yang berkaitan dengan hadis, lebih-lebih lagi, jika laman sesawang atau perisian tersebut memfokuskan hadis sebagai subjek utama yang dipaparkan. Manakala bagi laman sesawang atau perisian yang hanya mengandungi dalil daripada hadis sebahagian kecil sahaja, apa yang lebih diutamakan adalah aspek ketepatan teks Arab, terjemahan dan mengandungi sumber atau maklumat hadith yang lengkap supaya jelas diketahui status hadis-hadis tersebut.

RUJUKAN

Buku

- Abu Bakar, Bhasah. 2010. *Kaedah Kajian Tinjauan*. Selangor: Normal Curve Publication.
- Idris Awang. 2009. *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam*. Shah Alam: Kamil & Shakir Sdn. Bhd
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W., 1970. *Determining Sample Size for Research Activities. Educational and Psychological Measurement. Small-Sample Techniques (1960)*. The NEA Research Bulletin, Vol. 38.
- Khader Ahmad. 2019. Digitalisasi Hadith di Malaysia Analisis Terhadap Keperluan Kriteria Pembangunan Website Dan Software Hadith. Conference Proceeding ICONIMAD 2019. International Conference on Islam in Malay World IX. Krabi, Thailand.

Jurnal

- Nuraris, 2015. *Digital Library: Mengenal Al-Maktabah Al-Syamilah*. Jurnal IAIN Kudus Kudus, Jawa Tengah: Penerbit IAIN Kudus.
- Khairul Asyraf Mohd Nathir, Mohd Sukki Othman, Nik Farhan Mustapha & Wan Muhammad Wan Sulong. 2019. *Penggunaan Perisian Atlas.Ti 8 Dan Maktabah Syamilah Dalam Kajian Kualitatif Bahasa Arab*. Journal TAMU Tinta Artikulasi Membina Ummah 5(2), 2019 57-67. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Internet

- Al-Maktabah Al-Syamilah. 2009. <https://islaamic library. wordpress.com/2009/03/01/thecomprehensivelibrary/> (diakses pada 31 September 2022).
- Al-Maktabah al-Syamilah. 2020. <https://www.aku.edu/news/pages/new-details> (diakses pada 10 Oktober 2022).